

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 88

BISKOP BORNEO (PEMERBADANAN)

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
 2. Biskop Borneo sebagai suatu pertubuhan perbadanan
 3. Kuasa-kuasa perbadanan
 4. Perletakhakan harta
 5. Dokumen
 6. Penggunaan meterai perbadanan
 7. Pindaan undang-undang bertulis
 8. Kenyataan lantikan
-

AKTA BISKOP BORNEO (PEMERBADANAN)

Satu Akta untuk mempersyaratkan pemerbadanan Biskop Borneo dan perkara-perkara yang bersampingan dengan-nya.

6 tahun
1951 (Peng.
88 tahun
1951)

Permulaan kuatkuasa : 25hb April 1951

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Biskop Borneo (Pemerbadanan). Gelaran pendek
2. (1) Pemegang jawatan Biskop Borneo yang sah pada waktu itu adalah dengan ini menjadi suatu pertubuhan perbadanan, dengan nama Biskop Borneo, selepas ini dipanggil perbadanan. Biskop Borneo sebagai suatu pertubuhan perbadanan
 - (2) Perbadanan bagi maksud-maksud Akta ini boleh mendakwa dan didakwa atas namanya yang tersebut dan hendaklah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.
3. Perbadanan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan tak alih apa pun jenisnya dan boleh menyerahkan balik dan menyerahkan, mencagarkan, memajak, memajakkan lagi, menyerah hak semula, memindah milik ataupun melupuskan, atau menguruskan, sebarang harta alih atau tak alih yang terletak hak pada perbadanan atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan. Kuasa-kuasa Perbadanan
4. Semua harta tak alih yang terletak di Negara Brunei Darussalam dan yang dahulunya dipindah hak atau diserahkan kepada atau terletak hak pada Society for the Propagation of the Gospel atau Biskop Labuan dan Sarawak, sama ada dengan nama paderi yang pada waktu itu memegang jawatan itu atau tidak, adalah dengan ini terletak hak pada perbadanan bagi estet dan kepentingan masing-masing di mana ianya dipegang. Perletakan harta

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4

PENG. 88

Biskop Borneo (Pemerbadanan)

- | | |
|--------------------------------|---|
| Dokumen | <p>5. Sebarang suratikatan, dokumen atau suratcara lain, yang penguatkuasaannya belum luput atau telah dilaksanakan sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Akta ini dan dalam mana tertera nama Society for the Propagation of the Gospel atau Biskop Labuan dan Sarawak hendaklah dibaca dan ditafsirkan seolah-olah digantikan di tempatnya dengan nama perbadanan Biskop Borneo.</p> |
| Penggunaan meterai perbadanan | <p>6. Semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang menghendaki meterai perbadanan hendaklah dimeterai dengan meterai perbadanan dengan disaksikan oleh Biskop Borneo pada waktu itu atau wakilnya yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh suratkuasa wakil yang disimpan di bawah bab 3 dari Akta Suratkuasa Wakil, dan hendaklah juga ditandatangani oleh Biskop tersebut pada waktu itu atau wakilnya yang diberi kuasa sebagaimana yang disebutkan di atas, dan penandatanganan itu adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai tersebut telah dibubuh dengan sewajarnya dan sepatutnya dan ianya adalah meterai perbadanan yang sah.</p> |
| Pindaan undang-undang bertulis | <p>7. Setiap undang-undang bertulis dalam mana tertera perkataan-perkataan “Biskop Labuan dan Sarawak” hendaklah dibaca dan ditafsirkan seolah-olah digantikan di tempatnya dengan perkataan-perkataan “Biskop Borneo”.</p> |
| Kenyataan lantikan | <p>8. Suatu kenyataan oleh Menteri mengenai lantikan mana-mana orang untuk menjalankan jawatan Biskop Borneo adalah keterangan muktamad bahawa orang itu telah diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menjalankan jawatan tersebut di Negara Brunei Darussalam.</p> |